

1. Antara berikut, yang manakah **padanan** peraturan keselamatan bengkel yang **tepat**?

A	Alatan	Laporkan alatan yang rosak atau hilang.
B	Diri	Berhati-hati menggunakan alatan
C	Bahan	Gunakan bahan dengan banyak dan membazir
D	Bengkel	Memakai kasut yang sesuai di bengkel

2. Antara berikut, yang manakah langkah mengatasi masalah renjatan elektrik?

- A. Alihkan mangsa menggunakan bahan penebat
- B. Sapu ubat di kawasan yang terkena renjatan
- C. Bawa mangsa berjumpa pegawai perubatan
- D. Beri mangsa minum air setelah dialihkan

3. Antara berikut, yang manakah bukan kepentingan reka bentuk?


- A. Menjimatkan masa
- B. Memberikan pelbagai pilihan
- C. Memudahkan urusan seharian
- D. Meningkatkan peluang pekerjaan

4. Antara berikut, yang manakah pekerjaan yang tepat dengan maklumat berikut?

Bekerja dalam pelbagai bidang termasuk filem, televisyen, permainan video dan internet

- A. Arkitek
- B. Juruanimasi
- C. Pereka grafik
- D. Pereka fesyen

5. Apakah jenis garisan yang tepat dengan rajah berikut?



- A. Tebal
- B. Zig-zag
- C. Beralun
- D. Putus-putus

6. Antara berikut, yang manakah tepat dengan kepentingan teknologi yang berikut?

Menjamin kehidupan yang lebih berkualiti

- A. Menjimatkan masa
- B. Meningkatkan taraf hidup
- C. Mempercepatkan komunikasi
- D. Memudahkan urusan seharian

7. Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada kepentingan teknologi?

- A. Mewujudkan individu yang bergantung kepada teknologi
- B. Menghasilkan barang yang berkualiti rendah
- C. Menyediakan peluang pekerjaan
- D. Meningkatkan pilihan barang

8. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada teknologi konvensional?

- A. Mesin pelepas
- B. Gergaji tangan
- C. Mesin pengisar
- D. Pemutar skru elektrik tanpa wayar

9. Berikut merupakan proses penghasilan produk **kecuali**

- A. Membuat lakaran reka bentuk produk
- B. Mengira kos bagi reka bentuk produk
- C. Mengawal keselamatan produk
- D. Membentangkan produk yang dihasilkan

10. Antara berikut, yang manakah bentuk persembahan produk yang menggalakkan penggunaan ICT?

- A. Permainan
- B. Pembentangan slide
- C. Kertas sebak
- D. Buku skrap

11. Mengapakah kita perlu membuat lakaran idea?

- A. Mengenal pasti ciri produk
- B. Mendapat idea awal produk
- C. Mencadangkan reka bentuk akhir
- D. Mengenal pasti ciri produk

12. Apakah ciri pembungkusan yang baik?

- A. Mesra alam
- B. Mudah dibentuk
- C. Maklumat ringkas
- D. Menggunakan ruang yang banyak

13. Berdasarkan maklumat berikut, apakah ciri reka bentuk pembungkusan yang tepat?

Melindungi produk daripada kerosakan

- A. Mesra alam
- B. Kekal kualiti
- C. Mudah disimpan
- D. Mesra pengguna

14. Apakah kepentingan reka bentuk pembungkusan yang tepat dengan maklumat berikut?

Memastikan produk tidak menjejaskan kesihatan pengguna

- A. Mengekalkan fizikal produk
- B. Mengekalkan kualiti produk
- C. Mengelakkan produk tercemar
- D. Mengawal keselamatan produk

15. Mengapakah kita perlu membuat kemasan pada reka bentuk pembungkusan?

- A. Menjadikan pembungkusan lebih cantik dan menarik
- B. Bersaing dengan produk di pasaran
- C. Menarik perhatian pengguna
- D. Meningkatkan harga produk

16. Antara berikut, yang manakah kepentingan reka bentuk makanan yang tepat?

- I. Memperkenalkan budaya
- II. Memberi pelbagai pilihan
- III. Meningkatkan harga jualan
- IV. Mengikut kehendak pasaran

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Susunkan langkah menghasilkan reka bentuk makanan dengan tepat.

- I. Menghasilkan reka bentuk
- II. Menjana idea
- III. Menilai dan menambahbaik lakaran
- IV. Melakar reka bentuk
- V. Mengira kos

- A. I, IV, III, V, II
- B. III, I, V, IV, II
- C. II, IV, III, V, I
- D. V, I, IV, II, III


18. Bagaimanakah trend semasa mempengaruhi reka bentuk makanan?

- A. Menarik perhatian pengguna
- B. Memenuhi kehendak pasaran
- C. Meningkatkan perhatian pengguna
- D. Memberikan bentuk makanan yang terkini.

19. Apakah yang dimaksudkan dengan atur cara komputer?

- A. Arahan atur cara untuk menjalankan fungsi
- B. Atur cara yang diproses dalam perkakasan harian
- C. Atur cara berkod untuk memberi arahan bagi suatu fungsi
- D. Urutan arahan berkod yang membolehkan data diproses oleh komputer

20. Apakah maksud simbol dalam sesebuah carta alir seperti gambarajah di bawah?



- A. Proses
- B. Mula / tamat
- C. Aliran aktiviti
- D. Input dan output